

**THE POLEMIC OF MUNKAR HADITH: A STUDY OF THE MUQADDIMAH OF
ṢAḤĪḤ MUSLIM**

POLEMIK HADITH MUNKAR: KAJIAN TERHADAP MUQADDIMAH ṢAḤĪḤ MUSLIM

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidiⁱ, Haswira Salleh Ahimⁱⁱ & Ali Abdul Jalil^{iii*}

ⁱ Pelajar Ph.D, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. dzuldzulraidi@gmail.com

ⁱⁱ Pelajar Ph.D, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam. haswirabatalun@gmail.com

ⁱⁱⁱ (Corresponding Author) Pensyarah, Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. alijalil@unisiraj.edu.my

Article Progress

Received: 9 February 2026

Revised: 23 February 2026

Accepted: 15 May 2026

Abstract	<p><i>The term munkar is among the technical terms used in the discipline of hadith to evaluate problematic narrations. However, the definition of munkar hadith has sparked significant debate among hadith scholars. Some scholars, such as Ibn Hajar al-‘Asqalānī, define munkar hadith as a narration reported by a weak (da‘if) narrator that contradicts the narration of a trustworthy (thiqqah) narrator, while others like al-Zahabī include narrations from acceptable (maqbul) narrators if they contradict stronger ones. This raises questions about how the term munkar was understood by earlier hadith critics (muhaddithūn mutaqqaddimīn), especially specific prominent figures. Imam Muslim also discussed issues related to munkar in the Muqaddimah of Ṣaḥīḥ Muslim. Therefore, this study aims to analyze his perspective in hopes of clarifying and academically resolving the ongoing polemic regarding the definition of munkar hadith. This study employs a qualitative methodology, using document and content analysis as its main techniques. The findings reveal that Imam Muslim did not provide a technical definition of the term munkar, but instead outlined indicators that help identify such narrations—specifically when a narrator’s report contradicts that of other narrators who are stronger in terms of memory and integrity. His assessment does not hinge on whether the narrator is labeled as da‘if or thiqqah, but rather focuses on patterns and consistency within the narration. This study contributes to clarifying Imam Muslim’s position within the scholarly discourse on munkar hadith and opens the door for refining the definition of the term in contemporary hadith studies. It also recommends further research on the works of other mutaqqaddimīn scholars concerning jarḥ wa ta‘dīl and conflicting narrations, in order to build a more comprehensive framework for understanding hadith technical terminology within its original context</i></p> <p>Keywords: <i>Munkar, Hadith, Scholars, Weak, Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim.</i></p>
Abstrak	<p><i>Istilah munkar merupakan antara istilah teknikal yang digunakan dalam disiplin ilmu hadith untuk menilai riwayat yang bermasalah. Namun, definisi</i></p>

hadith munkar telah menjadi polemik dalam kalangan sarjana hadith. Sebahagian ulama seperti Ibn Hajar al-'Asqalānī mendefinisikan hadith munkar sebagai riwayat perawi da'if yang bercanggah dengan perawi tsiqah, manakala tokoh lain seperti al-Zahabī pula memasukkan riwayat perawi maqbul sebagai asas penilaian munkar sekiranya bercanggah dengan perawi yang lebih kuat. Justeru, timbul persoalan berkenaan bagaimana istilah munkar difahami oleh para muhaddithīn mutaqqaddimīn khususnya bagi tokoh tertentu. Imam Muslim turut membincangkan isu berkaitan munkar dalam Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim, justeru kajian ini berusaha menganalisis pandangan beliau dengan harapan agar polemik definisi hadith munkar dalam kalangan sarjana hadith mutaqqaddimīn dapat diperjelaskan dan dirungkaikan secara ilmiah. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen dan analisis kandungan sebagai teknik utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Imam Muslim tidak memberikan definisi teknikal terhadap istilah munkar, namun menjelaskan tanda-tanda yang membolehkan sesuatu hadith dikenalpasti sebagai munkar, iaitu apabila riwayat seorang perawi bercanggah dengan riwayat perawi lain yang lebih kuat dari aspek hafalan dan keadilan. Penilaian tersebut tidak terikat dengan status perawi sebagai da'if atau thiqqah, tetapi berdasarkan pemerhatian terhadap corak dan konsistensi riwayat. Kajian ini memberikan sumbangan dalam menjelaskan kedudukan sebenar Imam Muslim dalam kerangka perbincangan hadith munkar serta membuka ruang kepada pemurnian semula definisi istilah ini dalam wacana ilmu hadith kontemporari. Kajian ini turut mencadangkan agar penelitian lanjutan dilakukan terhadap karya-karya mutaqqaddimīn lain dalam isu jarḥ wa ta'dīl dan percanggahan riwayat bagi membina kerangka pemahaman istilah teknikal hadith yang lebih menyeluruh berdasarkan konteks asalnya.

Kata kunci: *Munkar, Hadith, Sarjana, Da'if, Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim.*

PENDAHULUAN

Ilmu Dirayat Sanad Hadith (teknikal sanad) merupakan cabang penting dalam disiplin *Ulum al-Hadith* yang menilai kedudukan dan status hadith (Dzulraidi, 2025). Dalam ilmu ini, para ulama telah memperkenalkan pelbagai istilah teknikal untuk menggambarkan kekuatan atau kelemahan sesuatu riwayat, antaranya ialah istilah *munkar*. Secara umumnya, istilah ini digunakan bagi menggambarkan riwayat yang dianggap lemah atau ditolak kerana bercanggah dengan riwayat lain yang lebih kuat (Mohd Noor, 2016). Namun begitu, definisi *hadith munkar* tidak disepakati secara mutlak oleh para ulama hadith.

Sebagai contoh, Ibn Hajar al-'Asqalānī (2021) dalam *Nuzhah al-Nazar* menjelaskan bahawa hadith *munkar* ialah riwayat yang datang daripada perawi *da'if* yang bercanggah dengan perawi yang *tsiqah*. Manakala al-Zahabī (2024) pula dalam beberapa karyanya *al-Mūqizah* menggunakan istilah *munkar* secara lebih longgar dengan memasukkan juga perawi diterima (*maqbul*) yang bertentangan dengan perawi yang lebih kuat.

Perbezaan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengkaji hadith masa kini tentang aplikasi sebenar istilah *munkar*, serta sejauh mana definisi ini konsisten dengan pendekatan para *muhaddithīn* terdahulu. Dalam konteks ini, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* karya Muslim bin al-Hajjāj merupakan salah satu sumber utama yang membahaskan prinsip-prinsip dalam menilai perawi dan riwayat.

Walaupun Muslim tidak banyak menggunakan istilah *munkar* secara eksplisit, beliau telah mengemukakan contoh-contoh percanggahan riwayat dan perbincangan yang berkaitan secara tidak langsung dengan konsep tersebut. Namun, pendekatan beliau dilihat berbeza daripada pendekatan sistematis yang digariskan oleh tokoh-tokoh selepasnya. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menilai kembali pandangan Muslim berkenaan hadith yang

bercanggah serta bagaimana pendekatan beliau dapat membantu menjelaskan maksud sebenar istilah *munkar* dari perspektif *mutaqaddimīn*.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan berikut:

1. Menilai semula polemik definisi hadith *munkar* dalam kalangan ulama hadith klasik.
2. Menganalisis definisi Muslim mengenai istilah *munkar* dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*.
3. Menelusuri syarahan para ulama hadith terhadap definisi istilah *munkar* yang dikemukakan oleh Muslim.
4. Memberi sumbangan ke arah pemurnian semula pemahaman terhadap istilah *munkar* dalam wacana hadith kontemporari.

Maka, kajian ini menjadi signifikan bukan sahaja dalam menjelaskan perbezaan metodologi antara tokoh hadith klasik berkaitan istilah *munkar*, tetapi juga dalam menilai semula sumbangan Imam Muslim terhadap pembinaan disiplin kritik riwayat dalam kalangan *muhaddithīn mutaqaddimīn*. Kajian ini diharap dapat memberikan pencerahan terhadap polemik definisi hadith *munkar*, seterusnya memperkukuh kefahaman sarjana kontemporari terhadap pendekatan ulama silam dalam menilai hadith yang bercanggah.

BIOGRAFI MUSLIM BIN AL-HAJJĀJ

Muslim bin al-Hajjaj atau nama penuhnya Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysābūrī merupakan seorang tokoh hadith yang berasal daripada keturunan Bani Qushayr, sebuah kabilah Arab yang terkemuka. Menurut pandangan al-Zahabī (1996) dan Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2001), beliau dilahirkan sekitar tahun 204 Hijrah. Namun, Maḥmūd Fākhūrī (1990) mengemukakan tarikh kelahiran alternatif iaitu tahun 206 Hijrah di kota Naisabur, yang lebih diyakini sebagai tahun kelahiran sebenar.

Penglibatan Muslim dalam pengajian hadith bermula seawal usia 18 tahun dengan bimbingan awal daripada Yaḥyā bin Yaḥyā al-Tamīmī. Beliau kemudian meneruskan perjalanan ilmunya ke beberapa pusat ilmu terkenal termasuk Iraq, Hijaz, Syam dan Mesir. Di sana, beliau menuntut ilmu daripada para perawi hadith utama dan mengumpulkan sejumlah besar riwayat untuk dijadikan rujukan dalam penulisan beliau (Muslim, 1972).

Sepanjang pengajiannya, Muslim sempat mengambil hadith daripada lebih 220 guru, dan sebahagian besar daripada mereka dimuatkan dalam karya agungnya, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Muslim, 1972). Antara guru-gurunya yang masyhur termasuk al-Qa’nabī, Aḥmad bin Yūnus, Ismā’īl bin Abī Uways, Dāwūd bin ‘Amr, al-Haitham bin Khārijah, dan Sa’īd bin Manṣūr, seperti yang direkodkan oleh al-‘Asqalānī (2001).

Beliau juga mempunyai hubungan rapat dan berguru secara intensif dengan al-Bukhārī. Menurut catatan al-Khaṭīb al-Baghdādī (2001), hubungan antara Muslim dan al-Bukhārī amat erat, terutama ketika al-Bukhārī berada di Naisabur menjelang akhir hayatnya. Malah, Muslim banyak mencontohi pendekatan gurunya itu dalam memahami dan menyusun ilmu hadith. Al-Dāraquṭnī (2000) sendiri menyatakan bahawa kedudukan Muslim dalam dunia hadith tidak akan setinggi yang kita kenali hari ini jika bukan kerana pengaruh besar al-Bukhārī.

Muslim juga meninggalkan generasi murid yang tersohor dalam bidang hadith seperti al-Tirmidhī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin Salamah, Ibrāhīm bin Abī Ṭālib, Abū ‘Amrū al-Khafāf, Ibn Khuzaymah dan Abū Muḥammad bin Abī Ḥātim al-Rāzī (al-‘Asqalānī, 2001; Ibn Khallikān, 1997). Selain *Ṣaḥīḥ Muslim* yang menjadi magnum opus beliau, Muslim turut menghasilkan karya-karya lain yang signifikan dalam khazanah hadith Islam, antaranya *al-Musnad al-Kabīr*, *al-Jāmi’ al-Kabīr*, *al-‘Ilal*, *Awhām al-Muḥaddithīn*, dan *al-Tamyīz*, sebagaimana dinyatakan oleh al-Nawawī (1996) dan disokong oleh al-‘Uqaylī (1992).

PENGENALAN MUQADDIMAH ṢAḤĪḤ MUSLIM

Penulisan karya *Ṣaḥīḥ Muslim* berpunca daripada permintaan murid Muslim bin al-Hajjāj sendiri iaitu Ahmad bin Salamah. Hal ini telah dijelaskan sendiri oleh Muslim dalam

Muqaddimah beliau. Ahmad bin Salamah telah menjelaskan kepada Muslim bin al-Hajjāj bahawa beliau ingin mendalami bidang hadith justeru meminta Muslim mengarang sebuah kitab hadith dengan beberapa ciri khusus. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Ciri-ciri *Ṣaḥīḥ Muslim*

No.	Permintaan	Penjelasan
1.	Kitab mengenai sunnah agama, hukum-hukum berkaitan pahala dan dosa, anjuran dan ancaman.	Murid beliau meminta beliau mengarang kitab hadith yang mengandungi keseluruhan atau kebanyakan bab-bab dalam syariat
2.	Kitab yang mengandungi sanad <i>mutanāqilah</i> dan <i>mutadāwilah</i>	Murid beliau meminta beliau memasukkan sanad-sanad penuh ke dalam kitabnya daripada para sahabat, <i>tābi'īn</i> dan selepasnya.
3.	Kesemua hadith dan sanad dihimpunkan dalam satu kitab	Ahmad bin Salamah meminta Muslim bin al-Hajjāj agar menghimpunkan kesemua perbincangan dalam sanad kitab.
4.	Tidak ada pengulangan yang banyak dalam kitab	Ahmad bin Salamah meminta Muslim bin al-Hajjāj agar mengurangkan pengulangan agar hadith itu lebih mudah difahami.

Seterusnya, Muslim bin al-Hajjāj memperkenankan permintaan murid beliau dan mengarang sebuah karya *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Sunan Rasūlullah* yang lebih masyhur dikenali sebagai *Ṣaḥīḥ Muslim*. Khusus dalam *muqaddimah* bagi kitab ini, Muslim bin al-Hajjāj menjelaskan mengenai metodologi beliau dalam berinteraksi dengan hadith. Hal ini kerana menurut beliau, terdapat golongan pseudo *muhaddithīn* yang menyebarkan hadith-hadith bermasalah kepada orang awam dan perkara itu merosakkan.

Perbincangan-perbincangan dalam *muqaddimah* beliau lengkap sehingga layak dikategorikan sebagai sebuah karya usul hadith. Terdapat beberapa tokoh yang menghuraikan *muqaddimah* beliau secara berasingan berbanding kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* seperti Muḥammad Ibn al-Shaykh al-'Allāmah 'Ali bin Adam bin Musa al-It'yūbī dan Abdul Karīm al-Khudayr.

Berikut adalah senarai topik-topik perbincangan dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*:

Jadual 2: Senarai Topik Perbincangan Dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*

No.	Topik Perbincangan
1.	Pendahuluan dan Kata-kata Aluan daripada Muslim bin al-Hajjāj
2.	Sebab Penulisan <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>
3.	Metodologi Penulisan <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>
4.	Realiti Periwatan Hadith Era Muslim bin al-Hajjāj
5.	Kewajiban Mengambil Riwayat daripada Para Perawi <i>Tsiqah</i> dan Meninggalkan Penipu
6.	Larangan Berdusta ke atas Nabi SAW
7.	Larangan Menceritakan Semua yang Didengari tanpa Tapisan
8.	Perawi <i>Da'īf</i> dan Penipu yang Perlu Dijauhi Riwayat Mereka
9.	Sanad Merupakan Sebahagian daripada Agama
10.	Menceritakan Kelemahan Perawi dan Pandangan Ulama Hadith Mengenainya
11.	Adakah Disyaratkan Bertemu bagi Pensabitan <i>Samā'</i> Seseorang Perawi
12.	Sah Menggunakan Hadith <i>Mu'an'an</i> sebagai Hujah.

Secara keseluruhannya, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* bukan sahaja merupakan sumbangan besar Muslim bin al-Hajjāj dalam bidang hadith, tetapi juga menunjukkan metodologi kritikal dan sistematik yang beliau gunakan dalam menilai perawi. Karya ini memberikan panduan yang berharga bagi para pengkaji hadith dalam memahami bagaimana penilaian perawi dilakukan dan kepentingan pendekatan yang berintegriti dan teliti dalam kajian hadith. Melalui karya ini, Muslim telah meninggalkan warisan ilmiah yang terus dihargai dan dijadikan rujukan oleh para ulama dan pelajar hadith hingga ke hari ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana pendekatan ini paling sesuai dalam memahami isu-isu kompleks yang melibatkan perbezaan pandangan dan pendekatan ulama, khususnya berkaitan polemik definisi hadith *munkar* (Ahmad Sunawari Long, 2015; Idris, 2018; Jamil, 2019). Melalui pendekatan ini, penulis dapat melakukan analisis mendalam terhadap teks *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* dan mengenal pasti pendekatan Muslim dalam menilai riwayat yang bercanggah, serta hubung kaitnya dengan istilah *munkar*.

Metode dokumentasi digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data. Sumber primer utama ialah *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* karya Muslim bin al-Hajjāj, yang akan dianalisis secara kritikal bagi menelusuri pandangan dan pendekatan beliau terhadap riwayat-riwayat yang bercanggah. Selain itu, sumber sekunder turut dikumpulkan daripada karya-karya ulama hadith seperti Nuzhah al-Nazar oleh Ibn Hajar al-'Asqalānī, al-Mūqizah oleh al-Zahabī, serta kajian moden dalam bentuk artikel jurnal, tesis, dan buku-buku ilmiah yang membincangkan konsep *munkar*, kritik sanad, serta *manhaj* Muslim secara khusus.

Bahan-bahan ini diperoleh melalui perpustakaan fizikal, perpustakaan digital, dan pangkalan data elektronik seperti *al-Maktabah al-Shāmilah* dan Google Scholar. Bagi tujuan analisis, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) terhadap teks *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Melalui kaedah ini, teks dianalisis secara sistematik untuk mengenal pasti istilah, pendekatan, dan prinsip-prinsip yang digunakan oleh Muslim dalam menilai hadith yang bercanggah serta bagaimana beliau merumuskan penilaian terhadap riwayat yang berpotensi ditolak.

Analisis juga akan memberi perhatian terhadap kes-kes tertentu yang dikemukakan oleh Muslim bagi mengenal pasti sama ada pendekatan beliau sejajar dengan definisi *munkar* yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh selepasnya. Selain itu, pendekatan Muslim akan dianalisis dari sudut konsistensi, objektiviti, dan keberkesanannya dalam menilai percanggahan riwayat. Penilaian ini penting bagi menilai sama ada pendekatan beliau dapat menjadi asas kukuh dalam merungkai polemik definisi *munkar* yang berlaku dalam kalangan sarjana hadith.

Diharapkan hasil metodologi ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam menilai semula konsep *munkar* menurut pendekatan *muhaddithīn mutaqqadimīn* serta memberikan gambaran yang lebih tepat dan berasaskan teks terhadap kedudukan Muslim dalam wacana kritik hadith.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Asas Hadith Munkar

Secara bahasa, Ibn Faris (2005) mendefinisikan "ingkar" sebagai penolakan terhadap sesuatu dalam hati tanpa penerimaan dan tanpa pengakuan dengan lidah. Al-Raghib pula menyatakan bahawa ingkar ialah setiap tindakan akal yang sihat yang menolak sesuatu sama ada kerana bertentangan dengan hukum akal *sahih*, rasa jijik atau ketidakselesaian, lalu keputusan terhadapnya diserahkan kepada hukum syarak (Al-Razi, 1999).

Dari sudut istilah hadith, para ulama hadith *mutaakhirīn* berbeza pandangan mengenainya. Al-Khatib al-Baghdadi (1378) dalam *al-Kifāyah* membuka satu bab bertajuk "Bab tentang meninggalkan berhujah dengan hadith yang ganjil dan riwayat-riwayat yang mungkar dan pelik daripada hadith-hadith." Beliau tidak memberikan definisi terperinci, tetapi hanya menyebut bahawa hadith-hadith *syāz* dan *munkar* adalah hadith-hadith yang

tidak dijadikan hujah. Al-Hafiz Ibn al-Salah (2002) pula memberikan penjelasan lebih mendalam dengan membahagikan hadith *munkar* kepada dua jenis.

Pertama, *munkar* dalam bentuk *syaz*, iaitu sesuatu riwayat yang bertentangan dengan periwayat yang lebih *tsiqah*. Contohnya ialah riwayat Malik daripada al-Zuhri daripada 'Ali bin Husain daripada 'Amru bin 'Uthman bin 'Affan daripada Usamah bin Zaid daripada Rasulullah SAW, bahawa Baginda bersabda: "Sesungguhnya orang Islam tidak boleh dibunuh kerana orang kafir."

Riwayat ini bertentangan dengan jalur lain yang lebih *sahih*, sebagaimana disebut oleh Muslim dalam *al-Tamyiz*, bahawa semua sahabat al-Zuhri meriwayatkan hadith ini dengan lafaz "Amru bin 'Uthman" dengan dhammah pada huruf 'Ain, sedangkan Malik meriwayatkannya dengan lafaz yang berbeza. Malik bahkan dilaporkan mengisyaratkan ke arah rumah Amru bin Uthman, seolah-olah beliau menyedari perbezaan ini.

Jenis kedua *munkar* menurut Ibn al-Salah ialah hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi *tsiqah* yang cermat tetapi tidak mempunyai *mutaba'ah* atau *syahid* yang menyokongnya. Contohnya ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Zakariyya Yahya bin Muhammad bin Qais bin Hisham daripada 'Urwah daripada ayahnya daripada Aisyah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Makanlah buah tembikai, kerana sesungguhnya jika syaitan melihatnya, ia menjadi lemah."

Dalam hal ini, Ibn Adam menambah bahawa syaitan menjadi lemah sehingga besi pun dimakan oleh penciptaannya sedangkan ia tidak diriwayatkan sedemikian oleh mana-mana perawi lain. Justeru versi ini juga dikenalpasti sebagai *munkar*. (Ibn Solah, 2002). Ulama lain turut memperluaskan definisi hadith *munkar*. Ibn Daqiq al-'Id (wafat 702H) berpendapat bahawa *munkar* menyerupai *syaz*, iaitu riwayat seorang perawi yang bersendirian bertentangan dengan riwayat lebih dipercayai.

Al-Zahabī (wafat 748H) dalam *al-Muqaddimah fi 'Ilm Mustalah al-Hadith* pula menyatakan bahawa *munkar* ialah sesuatu yang diriwayatkan secara bersendirian oleh perawi yang *da'if*, malah kadang-kadang termasuk juga perawi yang dipercayai tetapi bersendirian. Ibn Jamā'ah (wafat 733H) menegaskan bahawa *munkar* ialah hadith yang diriwayatkan secara bersendirian oleh seorang perawi yang tidak *tsiqah* dan tidak tepat hafalannya.

Ibn Kathīr (wafat 774H) menyatakan bahawa *munkar* berlaku apabila seorang perawi *tsiqah* meriwayatkan sesuatu yang bertentangan dengan riwayat perawi yang lebih *tsiqah*, atau apabila perawi tersebut tidak memiliki keadilan dan ketelitian dalam hafalan walaupun tidak berlaku percanggahan secara langsung. Ibn Hajar al-'Asqalani (wafat 852H) pula memperincikan bahawa *munkar* mencakupi riwayat seseorang yang *da'if*, *majhul*, atau memiliki kelemahan dalam hafalan, khususnya apabila riwayat tersebut tidak disokong oleh *mutaba'ah* atau *syahid*.

Hasil daripada perbincangan para ulama ini, dapat disimpulkan bahawa istilah *munkar* dalam ilmu mustalah hadith adalah salah satu istilah yang digunakan untuk mengklasifikasikan kesilapan dalam hafalan perawi. Hadith *munkar* muncul apabila seseorang perawi meriwayatkan sesuatu secara bersendirian tanpa disokong jalur lain sama ada perawi itu *tsiqah* atau tidak, atau apabila berlaku percanggahan dengan riwayat yang lebih *sahih*, ataupun kerana perawi tersebut mempunyai kelemahan dalam aspek hafalan dan ketepatan riwayat.

Dalam konteks ini, hadith *munkar* memainkan peranan penting dalam menilai keaslian sesuatu riwayat, dan penggunaannya dalam disiplin mustalah hadith memperlihatkan ketelitian para ulama dalam memelihara ketulenan sunnah Nabi SAW. Namun demikian, satu persoalan penting yang timbul ialah bagaimanakah pandangan para ulama hadith *mutaqaddimin* terhadap istilah *munkar* ini.

Adakah definisi dan aplikasi istilah *munkar* di sisi mereka selari dengan pendekatan ulama *mutaakhirin* atau wujud perbezaan dari segi prinsip dan penggunaannya dalam kajian hadith? Persoalan ini penting kerana ia membuka ruang untuk memahami evolusi istilah *munkar* dari zaman awal perkembangan kritik hadith sehingga ke peringkat penyistematikan ilmu mustalah hadith.

Penelitian terhadap pandangan ulama mutaqqaddimīn akan mengungkapkan sejauh mana istilah *munkar* berfungsi dalam realiti kritik sanad dan matan pada zaman mereka, sama ada dalam bentuk lebih luas ataupun lebih khusus berbanding takrifan *mutaakhirin*.

Hadith Munkar Menurut Muslim Bin Al-Hajjāj

Kajian melakukan penelitian terhadap perbincangan *munkar* dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Rujukan asas bagi *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* berdasarkan beberapa sumber cetakan iaitu cetakan *Ihyā' al-Turāth al-'Arabī* dengan tahkik daripada Abdul Bāqī. Selain itu, cetakan *Dār al-Minhāj* dengan tahkik daripada Muhammad Zihnī Afandī. Hal ini berikutan supaya rujukan silang dapat dijalankan antara ketiga-tiga cetakan.

Cetakan yang dijadikan asas bagi utama dalam perbincangan adalah cetakan *Ihyā' al-Turāth al-'Arabī*. Hal ini berikutan ia terdapat dalam laman *al-Maktabah al-Syāmilah* maka lebih mudah untuk dirujuk kembali. Begitu juga kajian melakukan ulang rujuk kepada syarah daripada Muhammad Amin al-Harārī menggunakan cetakan *Dār al-Minhāj*, syarah Abdullah al-Khudayr cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* dan syarah Alī bin Ādam al-It'yūbī cetakan *Dār Ibn al-Jawzī*.

Kajian mendapati Muslim membahaskan istilah *munkar* di satu tempat iaitu Muslim telah menyebut dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* teks berikut:

{وعلامه المنكر في حديث المحدث: إذا ما عرضت روايته للحديث على رواية غيره من أهل الحفظ والرضا، خالفت روايته روايتهم، أو لم تكذ توافقها، فإذا كان الأغلب من حديثه كذلك: كان مهجور الحديث، غير مقبوله ولا مستعمله}

Maksudnya, "*Tanda sesuatu hadith itu munkar apabila periwatan seorang perawi dibandingkan dengan riwayat perawi lain yang kuat hafalan dan diterima (keadilannya), didapati riwayatnya bercanggah dengan riwayat mereka, atau hampir tidak pernah selari dengannya. Jika majoriti hadith yang diriwayatkannya seperti itu, maka hadithnya ditinggalkan, tidak diterima dan tidak digunakan*".

Muslim, dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*, tidak memberikan definisi eksplisit berkenaan istilah *hadith munkar*. Namun demikian, beliau menghuraikannya secara tidak langsung melalui tanda-tanda dan ciri-ciri tertentu. Menurut beliau, antara petunjuk kepada sesuatu hadith itu tergolong sebagai *munkar* ialah apabila berlaku percanggahan dalam riwayatnya. Teks ini menimbulkan beberapa persoalan penting yang perlu dihuraikan secara terperinci.

Pertama, adakah istilah *munkar* menurut Muslim hanya terpakai bagi riwayat yang bermasalah daripada perawi *da'if*? Berdasarkan analisis terhadap teks beliau, dapat difahami bahawa Muslim tidak mensyaratkan percanggahan itu semestinya berpunca daripada perawi yang telah dikenal pasti sebagai *da'if*, sebagaimana yang menjadi pegangan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (2000). Kefahaman ini diperkuatkan dengan kenyataan Muslim: "*Jika majoriti hadith yang diriwayatkannya seperti itu (yakni bercanggah), maka hadithnya ditinggalkan, tidak diterima dan tidak digunakan*".

Kenyataan ini menunjukkan bahawa status perawi tersebut belum lagi dihukum secara muktamad sebagai *tsiqah* atau *da'if*, tetapi penilaiannya dibuat berdasarkan pola keseluruhan riwayatnya, khususnya tahap keselarasan atau percanggahan dengan riwayat perawi lain yang lebih mantap. Abd al-Karīm al-Khudayr (2018), dalam ulasannya terhadap teks ini, menjelaskan bahawa pendekatan Muslim ini sebenarnya mencerminkan metodologi asas para *muḥaddithīn* dalam menilai kredibiliti perawi.

Menurut beliau, sekiranya seseorang perawi sering bercanggah dengan perawi lain yang dipercayai, maka itu menjadi indikator kelemahan dan menyebabkan perawi tersebut dihukum sebagai *da'if*, dan sebaliknya. Persoalan kedua yang timbul ialah sama ada pengkategorian hadith sebagai *munkar* mensyaratkan wujudnya unsur percanggahan dan

perbandingan riwayat, atau adakah riwayat yang bersifat *fard* (bersendirian) sahaja sudah memadai untuk dianggap sebagai *munkar*?

Berdasarkan kenyataan Muslim: "*Tanda sesuatu hadith itu munkar apabila periwayatan seorang perawi dibandingkan dengan riwayat perawi lain yang kuat hafalan dan diterima (keadilannya), didapati riwayatnya bercanggah dengan riwayat mereka, atau hampir tidak pernah selari dengannya*", dapat disimpulkan bahawa percanggahan hasil daripada proses perbandingan riwayat adalah syarat utama dalam menentukan sesuatu hadith sebagai *munkar* menurut beliau.

Pendapat ini turut disokong oleh al-Ityūbī (2003) yang meneliti penggunaan istilah *munkar* dalam kalangan ulama *mutaqaddimīn*. Berdasarkan analisis praktikal mereka, beliau merumuskan bahawa sesuatu hadith hanya boleh dinilai sebagai *munkar* apabila berlaku perbandingan antara beberapa riwayat yang menunjukkan percanggahan yang nyata. Sekiranya tiada perbandingan, maka istilah *munkar* tidak bertepatan untuk digunakan terhadap hadith tersebut.

Justeru, hasil analisis terhadap definisi Muslim mengenai istilah *munkar* membawa kepada kesimpulan bahawa hadith *munkar* merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang riwayatnya bercanggah dengan riwayat perawi-perawi lain yang lebih dipercayai. Muslim tidak mensyaratkan bahawa perawi tersebut mestilah telah dihukum sebagai *tsiqah* atau *da'if*. Sebaliknya, penilaian *munkar* dibuat berdasarkan tahap keselarasan atau percanggahan riwayat tersebut apabila dibandingkan dengan riwayat perawi lain yang lebih kuat dari segi hafalan dan keadilan.

PENUTUP

Kajian ini membuktikan bahawa Muslim bin al-Ḥajjāj mempunyai pendekatan tersendiri dalam menilai hadith yang bercanggah, khususnya berhubung istilah *munkar*. Walaupun beliau tidak memberikan definisi eksplisit terhadap hadith *munkar* dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*, beliau mengemukakan indikator yang jelas melalui analisis percanggahan antara riwayat.

Muslim tidak meletakkan syarat bahawa perawi mesti *da'if* untuk sesuatu hadith dikategorikan sebagai *munkar*, bahkan penilaian dibuat berdasarkan tahap keselarasan atau percanggahan riwayat dengan perawi lain yang lebih kuat dari aspek *'adālah* dan *dhabt*. Kajian ini juga menunjukkan bahawa Muslim menekankan pentingnya perbandingan antara riwayat sebagai asas dalam menentukan status *munkar*, selari dengan pendekatan para *muhaddithīn mutaqaddimīn* yang menilai secara praktikal kekuatan atau kelemahan riwayat berdasarkan realiti jalur dan konteks riwayat, bukan semata-mata berdasarkan kategori tetap seperti *da'if* atau *tsiqah*.

Ini menandakan pendekatan beliau lebih bersifat analitik dan bersandar kepada pemerhatian terhadap corak riwayat. Oleh itu, dapatan ini bukan sahaja membantu menjernihkan kekeliruan dalam polemik definisi *munkar* dalam kalangan ulama kontemporari, tetapi juga mengangkat nilai metodologi Muslim dalam disiplin kritik hadith yang berpaksikan kepada integriti ilmiah.

Kajian ini menyarankan agar kajian lanjutan dilaksanakan terhadap karya-karya *mutaqaddimīn* yang lain dalam isu *jarḥ wa ta'dīl* dan percanggahan riwayat, agar satu kerangka lebih menyeluruh dapat dibentuk dalam memahami istilah teknikal hadith dalam konteks asalnya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Latif. (2017). *Dawābit al Jarḥ wa Ta'dīl* (Cetakan ke-6). Madinah: Dār Tayyibah al Khudarā'.
- Abdul Karim Khudair. (2018). *Sharḥ Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Saudi: Mu'assasah Ma'ālim al-Sunan.
- Abdullah Ahmad. (1994). *Su'ālāt Abi Dāwud li al-Imām Ahmad*. Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam.

- Dzulfaidhi Dzulraidi et. Al. (2024). *Konsep Qarā'in Tarjih Dan Aplikasinya Dalam Kitab Al-Tamyiz Karangan Muslim Bin Al-Ḥajjāj*. Journal of Fatwa and Falak Selangor, 1(1), 14-36. <https://juffas.muftiselangor.gov.my/index.php/jurnal/article/view/17>
- Dzulraidi, D. H., Mohd Ithnin, N. K., Amat Famsir @ Amat Tamsir, M. T., & Ayub, D. H. (2024). *Konsep Qarā'in Al-Tarjih dalam Pensabitan Samā': Kajian Terhadap Muqarrar Al-Takhrīj Karya Ḥātim Al-'Awnī*. Journal of Ifta and Islamic Heritage, 3(1), 169-196. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/67>
- Hamzah Yūsuf al-Sahmī. (1987). *Tārikh Jurjān*. Beirut: 'Ālam al-Kutub.
- Al-Hararī, M. A. bin 'A. al-'A. al-U. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār al-Minhāj.
- Ali Imron. (2017). *Dasar-Dasar Ilmu Jarh wa Ta'dil*. Mukaddimah: Jurnal Studi Islam, 2(2).
- Ibn al-Athīr, M. M. (1979). *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athar*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris. (2005). *Al-Qāmus al-Muḥīt*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Hajar. (2000). *Nuzhat al-Nazar fī Taudīh Nukhbat al-Fikar*. Dimasyq: Matba'ah al-Sabbāh.
- Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, & Khadher Ahmad. (2022). *Analisis Metode Penerangan Hadith Ber'illah Dalam Ṣaḥīḥ Muslim Menurut Ḥamzah Al-Malyabārī*. Online Journal Research in Islamic Studies, 9(1).
- Al-It'yūbī, M. I. al-Sh. al-'A. 'A. bin A. bin M. (2003). *Qurratu al-'Ayn al-Muḥtāj fī Sharḥ Muqaddimah Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim bin al-Ḥajjāj*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī.
- Al-Jauharī, I. H. (1987). *Al-Ṣihāh Tāj al-Lughah wa Ṣihāh al-'Arabiyyah*. Beirut: Dār al-'Ilm lil al-Malāyyīn.
- Al-Juwainī, A. M. A. (1997). *Al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khalīlī, K. A. (1989). *Al-Irsyād fī Ma'rifah 'Ulamā al-Hadīth*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Khatīb al-Baghdādī. (1938). *al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*. Syria: Jamī'ah al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, & Zirwatul Aida R. Ibrahim. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Bin 'Alawi. (2003). *Al-Qawā'id al-Asāsīyah*. Kaherah: Dār al-Hāwī.
- Muhammad Bin Muhammad Bin Sulaim. (2010). *Al Wasīth fī Ulūmi wa Mustalah al Hadīth*. Dār Fikr al 'Arabī.
- Muhammad Bin Mukrim. (1994). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al Ṣādir.
- Muhammad Bin Sulaimān. (1986). *Al-Mukhtasar fī 'Ilmi al-Rijāl*. Maktabah al Rusyd.
- Muhammad Murtadha al Husaini. (2001). *Tāj al 'Arūs*. Dār Ihyā' al Turāth.
- Al-Munawi, M. A. (1999). *Al-Yawaqit wa al-Durar fī Sharh Nukhbat Ibn Hajar*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Muslim Bin al Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Matba'ah Īsa al Bābī.
- Al-Nawawī. (1973). *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Sakhawī, S. M. (1993). *Fath al-Mugith Syarah Alfiyyah al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sam'ānī, A. K. M. (1982). *Al-Ansāb*. India: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah.
- Al-Syahrāzuri, A. A. (1986). *'Ulum al-Hadith*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Syarīf Ḥātim al-'Awnī. (2002). *Khulāsah al-Ta'sīl li 'Ilmi al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Mekah: Dār 'Ālim al-Fawāid.
- Al-Zahabī, M. A. (1985). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zahabī, M. A. (1998). *Tazkirah al-Huffāz*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkalī, K. M. (2002). *Al-'A'lām*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyyīn.
- Zulhildi bin Mohamed Nor. (2012). *Ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil: Tumpuan Terhadap Ketokohan Imam Bukhari*. Jurnal Hadis, (3), 11.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.